



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN**  
**KOD KURSUS : DSM1013**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak termasuk muka hadapan*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Nyatakan **empat (4)** elemen penting di dalam proses pengurusan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** fungsi pengurusan.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan maksud pembuatan keputusan.

(2 markah)

b. Huraikan **empat (4)** langkah awal yang terlibat dalam proses membuat keputusan.

(8 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **empat (4)** perkara yang boleh dilihat dari sesebuah carta organisasi.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** konsep asas di dalam struktur organisasi.

(6 markah)

**SOALAN 4**

a. Berikan **empat (4)** ciri-ciri pekerja yang berkaitan dengan Teori Y.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** keperluan yang diperkenalkan oleh David McClelland di dalam teorinya.

(6 markah)

**SOALAN 5**

a. Huraikan **tiga (3)** jenis pengurusan yang terdapat di dalam Teori Grid Pengurusan.

(6 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** stail kepimpinan yang berikut:

- i. Kepimpinan demokrasi
- ii. Kepimpinan Laissez-Faire

(4 markah)

**SOALAN 6**

a. Jelaskan **dua (2)** cara pengurus mengatasi kesilapan yang berlaku dalam organisasi.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** faktor dalam menetapkan sesuatu piawaian atau standard.

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Perancangan adalah merupakan satu proses yang berterusan yang bukan hanya terlibat dengan penyediaan pelan tetapi juga merumuskan cara-cara dan peringkat-peringkat ke arah penyelesaian masalah.

a. Huraikan **lima (5)** kepentingan perancangan.

(10 markah)

b. Puan Fazura merupakan seorang Pengurus Besar di Syarikat Teraju Holdings. Salah satu tugas beliau adalah merancang strategi organisasi bagi jangka masa pendek dan panjang. Anda diminta untuk membantu Puan Fazura bagi melaksanakan tugas beliau. Dengan mengambil kira **lima (5)** unsur-unsur perancangan organisasi, sediakan satu draf bagi unsur-unsur tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Komunikasi dikatakan sebagai nadi yang menghidupkan perjalanan organisasi kerana dengan adanya komunikasi seseorang pengurus boleh menyampaikan ideanya dalam membuat perancangan, memotivasikan ahli-ahli organisasi dan menjalankan proses pengawalan.

a. Huraikan **dua (2)** halangan komunikasi yang berlaku dari aspek individu.

(4 markah)

b. Dengan bantuan rajah, tunjukkan **empat (4)** bentuk komunikasi.

(16 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**